

Usahawan Bumiputera

BH 25 MAR 2001

Oleh LICHONG ANGKUI

KOTA KINABALU Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menasihatkan usahawan Bumiputera mengamalkan prinsip biar lambat asal selamat dalam perniagaan supaya tidak berlaku penyesalan yang dikejar tidak didapati yang di kendong kecil-kecilan.

Selam itu kata beliau pencapaian rendah dan mengecewakan Bumiputera dalam ekonomi tidak akan berubah selagi Bumiputera sendiri tidak mengubah sikap dan berusaha lebih gigih.

Beliau berkata walaupun pelbagai usaha membantu Bumiputera diperkenalkan dalam lebih 30 tahun sejak 1970 pencapaian Bumiputera amat rendah dan mengecewakan iaitu cuma 19 peratus.

Beliau mahu Bumiputera mengkritik mempelajari serta meniru dan mengamalkan pendeka-

tan bukan Bumiputera yang sudah berjaya dalam pelbagai bidang.

Menurutnya kerajaan sanggup dikedam dituduh mengamalkan kronisme dituduh tidak adil fitnah dan tohmahan kerana ingin menolong Bumiputera memperolehi bahagian mereka dalam ekonomi negara.

Tetapi apa gunanya menerima kecaman jika matlamat mengimbangkan kedudukan ekonomi Bumiputera dengan bukan Bumiputera tidak tercapai. Ia tidak tercapai kerana kita tidak ubati penyakit sebenar iaitu kelemahan yang ada pada Bumiputera sendiri.

Selagi kelemahan ini ada selagi ubat yang hanya mencerminkan keistimewaan Bumiputera tidak akan membawa hasil yang disasarkan katanya ketika merasmikan Kongres Ekonomi Bumiputera Sabah (KEBS) 2001 di Hotel Magellan Suteria di sini semalam.

Kongres Ekonomi Bumiputera Sab

KEBS 2001 dianjurkan Kerajaan Sabah Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah (Sedco) Dewan Perniagaan Bumiputera Sabah (DPBS) Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) dan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kadazandusun (KCCI).

Ia dihadiri 850 usahawan korporat kerajaan dan swasta pelajar institusi pengajian tinggi dan ahli pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dari seluruh Sabah dan Semenanjung.

Dr Mahathir yang dalam rangka lawatan dua hari ke Sabah berkata kerajaan sudah mengamalkan pelbagai langkah membantu Bumiputera termasuk melaksanakan syor dan desakan oleh Bumiputera.

Sebenarnya jika kerajaan memberi layanan kepada bukan

Bumiputera seperti yang diberi kepada Bumiputera mereka akan menguasai seluruh ekonomi negara dan Bumiputera akan menjadi pengemis.

Hanya dengan tidak memberi layanan istimewa kepada Bumiputera saja pun menyebabkan bukan Bumiputera menguasai sepenuhnya ekonomi negara. Kita tanya sambil menggariskan beberapa punca menyebabkan kedudukan ekonomi Bumiputera teres terkebelakang berbanding kaum lain.

Beliau berkata antaranya ialah sikap Bumiputera terus menjual saham yang diagih untuk mereka kepada bukan Bumiputera semata-mata mahu mendapat keuntungan cepat sekali gus membelanjakan hangus wang yang diperolehi sambil menunggu lagi saham saham lain.

perlu ubah sikap

ah (KEBS) 2001

Tabiat menjual lesen AP dan lain-lain yang diperuntukkan kepada Bumiputera juga tidak akan menolong meningkatkan bahagian Bumiputera dalam perniagaan.

Menjual nama kepada bukan Bumiputera adalah satu lagi cara menggagalkan dasar untuk menambah penyertaan Bumiputera dalam perniagaan katanya.

Selain itu katanya kelemahan Bumiputera dalam bidang pengurusan menyebabkan ramai Bumiputera bukan saja gagal tetapi hilang modal pelaburan dan wang yang dihutang untuk perniagaan.

Jauh daripada menjayakan perniagaan dan menaikkan penyertaan Bumiputera dalam perniagaan kelemahan pengurusan menghakis peratusan penyertaan Bumiputera dalam perniagaan dan perusahaan.

Dr Mahathir juga berkata ke-

kurangan modal tidak harus dijadikan alasan Bumiputera tidak dapat memasuki bidang tertentu kerana ada kaum lain yang juga tidak bermodal berjaya dalam perniagaan sehingga mereka menjadi millionaire dan billionaire.

Dengan mengambil contoh Lim Goh Tong yang datang ke Malaysia untuk menjadi kuli dan kini menjadi billionaire Perdana Menteri berkata ramai lagi orang lain yang bermula tanpa satu sen pun modal tetapi hari ini sudah menjadi kaya raya.

Menurutnya kejayaan mereka itu sebahagiannya disebabkan kerajinan menunaikan janji mengikut jadual terutama berkenaan hutang dan rela berkorban supaya orang yang menolong mereka tidak kecewa.

Selain itu katanya pengurusan perniagaan dan kewangan mereka dibuat cukup cermat tidak berlagak dengan cara hidup mewah dan terus bekerja kuat serta menyelia sendiri segala uru-

san perniagaan.

Saya yakin jika Bumiputera menjadikan mereka yang berjaya ini sebagai contoh dan kita amal kan apa yang mereka amal kita tetap berjaya jika tidak setinggi mana sekurang-kurangnya kita tidak terjebak dengan masalah hutang yang tidak dapat dibayar menjadi muflis dan sebagainya katanya.

Sambil mengingatkan kecaayaan tidak datang dengan mudah beliau berkata disebabkan ingin kaya cepat menyebabkan ada tertipu dan melabur dalam skim piramid yang tiada asas perniagaan tetapi bergantung kepada penipuan.

Sebenarnya tiada jalan mudah menjadi kaya melalui perniagaan. Menjual lesen atau kawasan balak yang diperolehi bukan perniagaan. Perniagaan bermakna menambah nilai kepada apa yang ada kepada kita supaya perniagaan boleh diteruskan sebagai satu kerjaya seumur hidup katanya.